



Senggugut jejas sistem peranakan

➔ Remaja sakit ketika didatangi haid perlu rawatan segera elak memudaratkan

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Jangan abaikan apabila anak gadis mengadu sakit senggugut berpanjangan kerana berkemungkinan mengalami masalah kesihatan pada sistem peranakan atau reproduksi.

Sakit ketika haid dalam kalangan remaja, terutama selepas dua tahun pertama baligh, lazimnya berkait masalah endometriosis walaupun jarang berlaku sewaktu remaja.

Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Canselor Tunku Muhriz dan Pusat Perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM PPUKM), Prof Dr Nur Azurah Abd Ghani, berkata sakit berpanjangan ini dikenali sebagai senggugut sekunder dan perlu diberi perhatian.

"Endometriosis berlaku apabila darah rahim masuk melalui tiub fallopian dan menitik ke atas organ lain seperti perut, kilang telur, usus dan rahim itu sendiri yang menyebabkan sakit ketika haid.

"Bagi orang biasa, tubuh mempunyai mekanisme untuk memberiskannya secara automatik tetapi penderita endometriosis, pembersihan ini tidak berlaku," katanya.

Risiko sukar hamil

Dr Nur Azurah berkata, lama-kelamaan titisan darah itu menjadi besar seakan-akan struktur stalagmit yang tergantung pada organ yang turut dikenali sebagai sista coklat kerana apabila dikeluarkan warnanya seperti coklat cair.

Sekiranya dibiarkan, endometriosis boleh menyebabkan sukar untuk hamil dan kadangkala sakit apabila mengadakan hubungan kelamin.

Ita juga boleh mengganggu kua-

liti hidup remaja terbahit kerana sering menahan sakit dan tidak dapat menyertai sebarang aktiviti apabila didatangi haid.

"Tiada rawatan yang boleh memulihkan endometriosis kecuali puncanya dibuang, iaitu membuang rahim tetapi ini tidak dilakukan, terutama sekiranya pesakit masih belum berkahwin.

"Biasanya doktor akan memberikan ubat tahan sakit atau terapi hormon bagi mengawal haid sekiranya ubat tahan sakit tidak berkesan," katanya.

Mungkin ada 2 rahim

Punca lain yang mengakibatkan sakit yang teruk ketika haid adalah terdapat septum atau dinding dalam faraj yang kadangkala disebabkan remaja terbahit memiliki dua rahim.

Pada asal pembentukan rahim secara semula jadi, wanita mempunyai dua rahim tetapi ia bercantum menjadi satu sebaik bayi dilahirkan tetapi dalam sesetengah kes, rahim tidak bercantum.

Rasa sakit ketika haid berlaku apabila salah satu rahim tidak berfungsi dengan baik akibat tersumbat berikutan terdapat dinding yang menutup laluan aliran darah ke faraj.

"Biasanya pembedahan akan dijalankan untuk membuka laluan ini tetapi ia bergantung sama ada dinding berkenaan nipis atau tebal.

"Sekiranya tebal, lubang akan ditebuk untuk mengeluarkan darah tetapi kadangkala lubang yang ditebuk ini boleh tertutup dengan sendiri walaupun selepas beberapa kali ditebuk," katanya.

Buang rahim

Dr Nur Azurah berkata, jika masalah masih berterusan, rahim terpaksa dibuang kerana sekiranya



Tiada rawatan yang boleh memulihkan endometriosis kecuali puncanya dibuang iaitu membuang rahim tetapi ini tidak dilakukan terutama sekiranya pesakit masih belum berkahwin. Biasanya doktor akan memberikan ubat tahan sakit atau terapi hormon"

Dr Nur Azurah Abd Ghani,
Pakar Obstetrik dan
Ginekologi, HCTM PPUKM



dibiarkan, darah akan berkumpul dan menjadi nanah seterusnya menyebabkan sakit lebih teruk.

Pada peringkat awal, pembedahan secara laparotomi atau laparotomi akan dilakukan dengan menebuk rahim bagi mengeluarkan darah di dalamnya.

Selepas pembedahan, remaja akan diberi pil hormon untuk memberhentikan kitaran haid bagi memastikan darah tidak kembali terkumpul di dalam rahim bagi mengurangkan kesakitan.

Pil hormon itu diberi setiap bulan dan mengurangkan kadar pengambilan ubat tahan sakit yang boleh memberi kesan kepada

fungsi buah pinggang.

Lazimnya, remaja ini hanya memiliki satu sahaja buah pinggang dan ia perlu dijaga dengan baik.

Dr Nur Azurah berkata, pembedahan membuang septum hanya akan dibuat apabila remaja itu sudah menamatkan pengajian.

Ibu bapa perlu lebih peka dan segera membawa anak masing-masing bertemu doktor sekiranya dilihat terpaksa menanggung kesakitan setiap kali didatangi haid.

Jangan biarkan anak menanggung sakit sendirian dan menganggap mereka mengada ngada kerana dia mungkin mengalami masalah di atas.



Senggugut primer:

→ Sakit sehan atau dua hari (Lazim sakit ini berlaku selepas 2-3 tahun didatangi haid)
→ Atasi dengan makan ubat penahan sakit seperti ponstan.

Senggugut sekunder:

→ Sakit sepanjang haid (Perlu ambil ubat tahan sakit yang berterusan)

Senggugut disebabkan

→ septum dalam faraj
→ Sakit pada awal baligh

Punca:

→ Endometriosis
→ Septum faraj

